



NEGERI PULAU PINANG

# **PENYATA BSMII**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI  
KESEBELAS**

**PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

**11 APRIL 2005 - 20 APRIL 2005**

**11 APRIL 2005 (Isnin)**

DIKELUARKAN OLEH  
UNIT DEWAN UNDANGAN NEGERI  
PULAU PINANG

# **PENYATA RASMI**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI  
KESEBELAS**

**PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

**11 APRIL 2005 HINGGA 20 APRIL 2005**

**11 APRIL 2005**

DIKELUARKAN OLEH  
UNIT DEWAN UNDANGAN NEGERI  
PULAU PINANG

# **PENYATA RASMI**

## **DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS**

### **PENGGAL KEDUA MESYUARAT PERTAMA**

Kandungan	Muka Surat
Ucapan Perasmian Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Kesebelas oleh TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.	4 - 27

# **Laporan Persidangan**

## **DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS**

### **PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA MESYUARAT PERTAMA**

---

<b>Hari</b>	<b>:</b>	<b>11 April 2005 (Isnin)</b>
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	<b>Dewan Sri Pinang, Lebuh Light, Pulau Pinang</b>
<b>Jam</b>	<b>:</b>	<b>9.30 Pagi.</b>

---

Speaker (Y.B. Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid)  
Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.A.B. Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)  
– Ketua Menteri  
Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin  
Abdullah) – Timbalan Ketua Menteri  
Setiausaha Kerajaan Negeri (Y.B. Encik Jamaludin bin Hasan)  
Pegawai Kewangan Negeri (Y.B. Encik Ng Kam Cheung)  
Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Dato' Dr. Teng Hock Nan)  
Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Dato' Koay Kar Huah)  
Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim)  
Ahli Kawasan Machang Bubuk (Y.B. Dato' Dr. Toh Kin Woon)  
Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid)  
Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Encik Lau Chiek Tuan)  
Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Encik Subbaiyah a/l Palaniappan)  
Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow)  
Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato'  
Haji Syed Ahmad)  
Ahli Kawasan Air Putih (Y.B. Encik Lye Siew Weng) – Timbalan  
Speaker

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy)  
Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Dato' Dr. Loh Hock Hun)  
Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Dato' Hilmi bin Haji Abdul Rashid)  
Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Encik Lai Chew Hock)  
Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Encik Lim Gim Soon)  
Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Encik Jasmin bin Mohamed)  
Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Puan Ng Siew Lai)  
Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang)  
Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik)  
Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Swee Cheang)  
Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Dato' Abdul Jalil bin Abdul Majid)  
Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Encik Cheang Chee Gooi)  
Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Roslan bin Saidin)  
Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Encik Ooi Chuan Aik)  
Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Encik Wong Mun Hoe)  
Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Encik Arif Shah bin Omar Shah)  
Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Encik Mohd. Foad bin Hj. Mat Isa)  
Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin b. Yahaya)  
Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Ong Thean Lye)  
Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Encik Quah Kooi Heong)  
Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Encik Mohamad Farid bin Saad)  
Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Encik Goh Kheng Sneah)  
Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Ir. Mansor bin Musa)  
Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Ng Fook On)  
Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Puan Siti Faridah bt. Arshad)  
Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Encik Tan Teik Cheng)  
Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Encik Phee Boon Poh)  
Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Encik Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman)

**TIDAK HADIR (Dengan Maaf)**

Penasihat Undang-undang Negeri (Y.B. Dato' Hinshawati bt. Shariff)

**TURUT HADIR**

Encik Kasim bin Md. Isa - Setiausaha Dewan Undangan Negeri.

**Dewan bersidang pada jam 9.30 pagi.**

**Setiausaha:**

Doa.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah menetapkan hari ini 11 April 2005 sebagai hari permulaan Mesyuarat Pertama Penggal Yang kedua Dewan Undangan Negeri yang Kesebelas melalui perisytiharan bertarikh 16 Februari 2005 yang diwartakan pada 17 Februari 2005. Tuan Yang Terutama Tun akan tiba di Dewan ini sebentar lagi untuk menyampaikan ucapan kepada Dewan. Sebelum itu saya ada tiga pengumuman, yang pertama minta dikeluarkan *handphone* masing-masing dan pastikan ia dimatikan. Yang keduanya selepas Tuan Yang Terutama Tun berada di kerusi nanti para jurugambar diberi kebenaran untuk mengambil gambar akan tetapi masanya tidak melebihi 1 minit. Pengumuman yang ketiga baru-baru ini ada dua peristiwa sedih yang telah berlaku, yang melanda kita di Negeri Pulau Pinang dan Negara amnya iaitu yang pertama ialah peristiwa tsunami, manakala yang kedua ialah kematian bekas T.Y.T. Tun Dr. Haji Hamdan bin Sheikh Tahir, jadi sebagai tanda simpati, Dewan akan bangun untuk bertafakur untuk kedua-dua majlis ini bersama dengan Tuan Yang Terutama Tun sebentar lagi. Kita akan bertafakur sebanyak dua kali, satu minit untuk setiap satu peristiwa. Sekian terima kasih.

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, ketibaan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan Y.A.Bhg. Toh Puan. Pengumuman oleh Y.B. Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat sebagaimana kita sedia maklum, bekas Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Utama Haji Hamdan bin Sheikh Tahir telah kembali ke rahmatullah pada 20 Januari 2005. Sepanjang tempoh khidmat Allahyarham selama 12 tahun, sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang mulai 1 Mei 1989 hingga 30 April 2001 Allahyarham telah memberikan perkhidmatan yang amat cemerlang dan juga telah banyak menyumbangkan bakti untuk rakyat dan negeri Pulau Pinang.

Oleh itu saya meminta Dewan Yang Mulia ini bagi yang beragama Islam kita menghadiahkan Al-Fatihah dan yang bukan beragama Islam kita bertafakur selama 1 minit, Al-Fatihah....(bertafakur), terima kasih. Baru-baru ini juga kita telah digemparkan dengan bencana tsunami yang melanda negeri kita, negara jiran dan Negara Asia Selatan yang telah mengakibatkan kehilangan nyawa dan harta benda. Oleh itu sekali lagi saya meminta Dewan Yang Mulia ini bagi yang beragama Islam kita menghadiahkan Al-Fatihah dan bagi yang bukan beragama Islam kita bertafakur selama 1 minit, Al-Fatihah (bertafakur), terima kasih.

**Setiausaha:**

Ucapan Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri.

**UCAPAN TUAN YANG TERUTAMA YANG DIPERTUA NEGERI  
PULAU PINANG – TUN DATO' SERI HAJI ABDUL RAHMAN BIN  
HAJI ABBAS.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid  
Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Amat Berhormat Tan Sri Dr Koh Tsu Koon  
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Abdul Rashid bin Abdullah  
Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Ariff Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Negeri Pulau Pinang  
Dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri

Yang Berusaha Para Pegawai dan Anggota Kerajaan

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

## A. MENANGANI CABARAN DAN MERANCANG UNTUK MASA HADAPAN

Alhamdulillah, saya ingin melafazkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan rahmat restuNya dapat saya sampaikan ucapan di majlis yang mulia ini bersempena dengan Mesyuarat Pertama bagi Penggal yang Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kesebelas. Dalam setahun kebelakangan ini sejak ucapan saya pada tahun lepas, banyak perkembangan dan perubahan telah berlaku. Kejadian yang amat menggemparkan kita semua ialah bencana tsunami yang berlaku pada 26 Disember yang lalu yang telah mengakibatkan banyak kehilangan nyawa, kemusnahan dan kerosakan harta benda pada skala yang tidak pernah dialami di wilayah ini, bahkan di peringkat antarabangsa. Negeri kita malangnya tidak terlepas daripada dilanda oleh bencana ini walaupun berada di jarak yang agak jauh daripada pusat gegaran (*epicentre*) gempa bumi. Kita semua berasa sangat sedih dan sekali lagi ingin mengucapkan takziah kepada keluarga 53 orang mangsa yang terkorban serta empat orang yang masih hilang. Kita juga amat bersimpati dan telah memberi bantuan kepada mangsa-mangsa di Aceh, Phuket, Sri Lanka, India dan tempat-tempat lain yang dilanda bencana dengan lebih dahsyat lagi.

Sebaik sahaja selepas bencana tsunami melanda, jentera kerajaan di negeri kita, walaupun menghadapi banyak rintangan, telah bergerak dan bertindak dengan secepat mungkin untuk menyelamatkan mangsa-mangsa. Kerajaan negeri amat berterima kasih kepada semua pertubuhan bukan kerajaan, syarikat korporat dan orang perseorangan yang telah tampil ke hadapan secara sukarela untuk membantu dalam usaha menyelamatkan mangsa-mangsa. Di samping itu, banyak pihak, termasuk kerajaan bandar berkembar kita, telah menyalurkan banyak sumbangan derma sehingga mencatat jumlah RM6.9 juta yang telah dimasukkan ke dalam akaun khas di bawah Tabung Bantuan TYT Pulau Pinang. Sebahagian daripada tabung khas ini telah diagihkan kepada mangsa-mangsa, manakala bakinya akan diagihkan serta digunakan untuk tujuan membantu mangsa membina dan membaikpulih kemudahan yang rosak. Dengan



sumbangan Syarikat Perumahan Negara (SPN), dua (2) buah projek perumahan untuk menempatkan semula mereka yang terjejas akan dilaksanakan di kawasan Tanjung Bunga dengan pembinaan sebanyak 100 unit rumah pangsa, manakala di kawasan Kuala Muda, Penaga lebih daripada 500 unit rumah akan dibina. Sementara waktu, 37 keluarga mangsa yang rumah mereka telah musnah atau rosak di Tanjung Bunga telahpun ditempatkan buat sementara waktu dalam rumah-rumah peralihan yang dibina dengan peruntukan dari SPN.

Dari pengalaman bencana Tsunami ini, kita sememangnya telah belajar beberapa hakikat. Yang pertama, walaupun negara kita dan negeri kita berada di luar kawasan gempa bumi, kita sebenarnya tidak terlepas daripada kesan-kesan buruknya sama sekali. Kita hendaklah sentiasa bersedia sedia untuk menghadapi segala bencana atau kejadian yang di luar jangkaan. Kerajaan negeri sedang mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan lagi sistem komunikasi dan koordinasi untuk menghadapi sebarang kecemasan, semasa menunggu sistem amaran awal yang dirancang untuk dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan. Yang kedua, adalah nyata bahawa hutan paya laut berfungsi bukan sahaja sebagai tempat pembiakan hidupan laut, tetapi juga sebagai "perisai semulajadi" (*nature's shield*) yang melindungi kawasan pantai daripada impak besar seperti tsunami. Oleh itu, hutan paya laut bukan sahaja penting untuk sumber makanan kita, tetapi juga diperlukan bagi melindungi harta dan nyawa di kawasan pantai. Yang ketiga, kita memang amat kagum atas semangat penyayang dan sukarelawan yang telah ditunjukkan oleh begitu ramai orang yang tampil ke hadapan untuk membantu para mangsa tanpa mengira agama dan kaum. Oleh itu, di samping berterima kasih, kita haruslah terus memupuk dan memajukan semangat penyayang ini, khasnya di kalangan generasi muda supaya ianya kekal menjadi asas kekuatan budaya kita.

Sememangnya, pengalaman menangani bencana Tsunami telah memperingatkan kita betapa pentingnya kita mesti terus berhati-hati dan meningkatkan usaha dan kebijaksanaan dalam membuat persiapan dan perancangan untuk masa hadapan, walaupun perancangan jangka masa panjang memang merupakan satu tradisi dan amalan kerajaan di peringkat persekutuan dan di peringkat negeri. Seperti yang kita sedia

maklum, tahun 2005 ini merupakan tahun yang terakhir untuk pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) di peringkat persekutuan dan Rancangan Negeri Pulau Pinang yang pertama (RNPP1) di peringkat negeri. Ianya juga merupakan tahun pertengahan untuk Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) atau "*Third Outline Perspective Plan*" (OPP3) di peringkat persekutuan dan juga Pelan Strategik Pembangunan Negeri Pulau Pinang yang kedua (PSDP2) di peringkat negeri bagi tahun 2001 hingga tahun 2010. Dari peruntukan RMKe-8 sebanyak RM4.9 billion, termasuk tambahan semasa kajian separuh masa, sebanyak RM3.3 billion atau 67.6 peratus telah dibelanjakan. Prestasi pelaksanaan projek-projek RMKe-8 di Negeri Pulau Pinang dalam tempoh 2001 – 2004 telah mencapai 93.0 peratus sehingga 99.0 peratus setiap tahun. Ini merupakan antara pencapaian yang terbaik, berbanding dengan negeri-negeri lain. Bilangan projek yang telah siap ialah 358 dan yang masih dalam pelaksanaan adalah 189, manakala sebanyak tujuh projek masih di tahap perancangan dan 128 projek belum dimulakan atau ditangguhkan. Bagi projek-projek yang masih di dalam pelaksanaan, peruntukan sambungan di bawah RMKe-9 akan diperolehi, manakala bagi projek-projek yang belum dimulakan, permohonan juga telah dikemukakan supaya dimasukkan dalam RMKe-9.

Dalam tempoh setahun kebelakangan ini, kerajaan negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan jabatan-jabatan teknikal yang berkenaan telah bertungkus-lumus untuk merangka dan merancang projek-projek untuk dicadangkan di bawah RMKe-9. Projek-projek yang diberi keutamaan termasuk pembinaan Jambatan Kedua, pembinaan *Light Monorail Transit* (LMT), menaiktaraf jalan persekutuan dari sempadan Negeri Perak ke Negeri Kedah dan mewujudkan sistem pengangkutan bersepadu. Kerajaan negeri bersetuju dan menyokong penuh teras utama yang digariskan oleh Kerajaan Persekutuan di dalam penyediaan RMKe-9 yang bertujuan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi, memperkukuhkan perpaduan di kalangan rakyat, membangunkan sumber manusia, membasmi kemiskinan, meningkatkan daya tahan dan daya saing, mempertingkatkan ekonomi berasaskan pengetahuan, pertumbuhan alam sekitar yang mampan serta mewujudkan urus tadbir yang baik. Sesungguhnya, ia merupakan satu cabaran utama kepada kita bagi memastikan prestasi dan kemampuan negeri berada di tahap yang cemerlang.

## B. MEMPERTINGKATKAN DAYA SAING DAN TEKNOLOGI BAGI EKONOMI BARU

Selepas penguncupan sebanyak 2.5 peratus pada tahun 2001 akibat daripada kemelesetan industri elektronik sedunia dan kesan negatif daripada peristiwa 11 September, ekonomi negeri ini telah pulih dengan mencapai kadar pertumbuhan positif sebanyak 4.3 peratus, 4.2 peratus dan 6.6 peratus bagi tahun-tahun 2002, 2003 dan 2004. Kadar pertumbuhan negeri pada empat (4) tahun kebelakangan adalah lebih rendah sedikit berbanding dengan kadar pertumbuhan purata bagi tahun 90an kerana dua (2) perkara. Yang pertama, ekonomi negeri kita sangat bergantung kepada industri ICT yang masih tidak begitu rancak pertumbuhannya walaupun ia telah pulih daripada krisis industri elektronik sedunia. Yang kedua, sektor pelancongan negeri ini yang sangat bergantung kepada ketibaan pelancong asing dari jarak jauh telah terjejas oleh berita-berita peristiwa keganasan dan wabak penyakit di rantau sekeliling kita. Walau bagaimanapun, adalah diramalkan bahawa kadar pertumbuhan ekonomi negeri bagi tahun hadapan akan berada di lingkungan 5 hingga 6 peratus, iaitu satu tahap yang masih sihat.

Sememangnya, sektor perindustrian tetap merupakan penggerak utama bagi ekonomi negeri ini. Selepas pembangunan lebih daripada 30 tahun, sektor industri elektronik dan ICT memang sudah mempunyai satu asas yang agak kukuh dan sedang menuju ke arah teknologi dan nilai tambah yang tinggi. Aktiviti-aktiviti baru yang sedang dan akan terus digalakkan ialah penyelidikan dan pembangunan (R&D), reka bentuk atau "*design*," *business process out-sourcing (BPO)*, *e-business* dan sebagainya. Walau bagaimanapun, persaingan dalam pasaran sedunia telah dan akan terus menjadi semakin sengit, khususnya dengan kemunculan kuasa-kuasa ekonomi pesat yang membangun seperti China, India, Vietnam, Eropah Timur, bahkan Russia. Pada masa yang sama, negara-negara yang lebih maju daripada Malaysia, seperti Singapura, Taiwan, Korea, Denmark, Sweden, Ireland dan Australia akan terus mara ke hadapan dalam pembangunan teknologi tinggi dan canggih. Oleh itu, kerajaan negeri dengan sokongan dan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan telah dan akan terus melaksanakan beberapa langkah konkrit dan berkesan untuk meningkatkan lagi teknologi, kemahiran dan daya saing industri ICT yang sedia ada, di samping menerokai teknologi produk dan perkhidmatan yang baru. Tujuan utamanya ialah untuk terus menjana pertumbuhan ekonomi, meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat serta menuju ke arah mencapai k-ekonomi, iaitu ekonomi yang berilmu.

Langkah yang pertama dan yang paling penting ialah untuk memperolehi status Koridor Raya Multimedia atau *Multimedia Super Corridor* (MSC) bagi Negeri Pulau Pinang melalui proses perundingan dan kerjasama dengan Multimedia Development Corporation (MDC) sejak dua (2) tahun dahulu. Kita bersyukur kerana Kerajaan Persekutuan pada bulan Jun yang lalu telah memutuskan taman perindustrian dan sebahagian Bandar Bayan Lepas akan menjadi *Cybercity* yang pertama dalam pengembangan MSC atau "*MSC National Roll-Out*" di luar daripada Putrajaya atau Cyberjaya. Banyak persiapan telah dan akan terus dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan. Semua agensi dan jabatan yang berkenaan untuk meningkatkan prasarana bagi kawasan ini, seperti perkhidmatan jalurlebar (*broadband*) dalam telekomunikasi, bekalan air dan elektrik yang lebih terjamin dan bermutu, sistem pengurusan lalu lintas dan suasana yang lebih selesa. Pelancaran secara rasmi Penang *Cybercity 1* atau "PCC1" telah disempurnakan pada bulan Januari yang lalu oleh YAB Perdana Menteri sendiri.

Sejak pengumuman PCC1 pada bulan Jun yang lalu, sambutan daripada syarikat-syarikat multi-nasional dan tempatan memang amat mengagumkan. Setakat ini, sebanyak 42 syarikat yang beribu-pejabat di Pulau Pinang telah diberi status MSC. Di samping itu, terdapat 28 buah syarikat yang lain sedang menguruskan permohonan secara aktif untuk memperolehi status MSC. Jumlah ini jauh melebihi sasaran yang ditetapkan untuk dicapai bagi tahun 2005, iaitu 30 buah syarikat berstatus MSC. Selain daripada prasarana yang lebih bermutu, kelebihan-kelebihan yang dapat diperolehi melalui status MSC termasuklah insentif-insentif yang lebih menarik, perlindungan hakmilikan modal dan hakcipta atau "*intellectual property*" serta kebenaran untuk mendapatkan pakar-pakar asing secara tidak terhad. Perkembangan MSC *Cybercity* ini sudah pastinya akan memberi nafas baru dan tonik kepada industri ICT yang sedia ada supaya ianya akan terus berkembang dan dapat bersaing dengan negara-negara lain. Kita bukan sahaja dapat mengekalkan syarikat-syarikat dan kilang-kilang yang sedia ada, bahkan juga menarik pelabur-pelabur yang baru. Dengan ini, kita bukan sahaja berupaya mengekalkan pekerjaan untuk rakyat kita sendiri, bahkan akan mempertingkatkan rakyat kita menjadi "*knowledge workers*" yang bermutu antarabangsa.

Langkah yang kelima ialah untuk mewujudkan satu agensi yang memberi tumpuan yang lebih berfokus dalam mempromosikan pelaburan, teknologi dan bisnes bagi sektor ekonomi moden yang berasaskan pengetahuan dan teknologi. Agensi ini yang dikenali sebagai Invest-In-Penang Berhad atau dengan ringkasnya, investPenang, merupakan syarikat tanpa laba milikan penuh kerajaan negeri melalui *State Secretary Incorporated* (SSI). Sememangnya, investPenang mengambil alih serta memperluas dan mempertingkatkan lagi fungsi promosi pelaburan dan perindustrian yang selama ini telah dilaksanakan dengan jayanya oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang atau PDC. Keadaan yang baru dan lebih mencabar sekarang memerlukan satu pendekatan yang lebih berfokus dengan penglibatan dan sumbangan daripada sektor swasta dan akademik secara lebih besar dan berkesan. Walau bagaimanapun, PDC akan terus menyokong usaha promosi pelaburan dengan memainkan peranan dalam pembangunan tanah dan kemudahan perindustrian. Sejak ianya mulai beroperasi pada awal bulan Januari tahun ini, investPenang telah menganjurkan atau menyertai beberapa rombongan misi promosi pelaburan ke luar negeri, menghubungi dan menjalinkan perhubungan dengan syarikat-syarikat teknologi yang sedia ada dan yang baru serta menganjurkan lawatan rombongan-rombongan pelabur asing ke negeri kita. Di samping itu, InvestPenang juga diberi tanggungjawab untuk mempromosikan dan menyelaraskan pembangunan Penang Cybercity. Selain daripada tugas memimpin InvestPenang, ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif InvestPenang sedang memainkan peranan yang aktif di peringkat kebangsaan dalam penggubalan *Third Industrial Master Plan* (IMP3) dan *National Biotech Policy* (NBP)

Adalah jelas bahawa dalam keadaan yang penuh dengan persiangan yang amat sengit dan perubahan teknologi yang amat pesat sekarang, strategi yang lebih bernas dan usaha yang lebih gigih diperlukan supaya sektor ekonomi baru atau *the new economy* bagi Negeri Pulau Pinang akan terus berdaya saing dan berdaya tahan. Usaha ini memerlukan penyertaan dan kerjasama dari semua pihak dalam mempertingkatkan kreativiti, produktiviti dan kualiti dengan menggunakan dan menambahbaik asas yang sedia ada.

Sektor pelancongan yang merupakan sektor ekonomi yang kedua terpentingnya bagi Negeri Pulau Pinang terjejas oleh beberapa kejadian berturut-turut dalam tempoh empat (4) tahun kebelakangan ini, iaitu, peristiwa 11 September, Peperangan di Iraq dan tindakan pengganas, wabak SARS dan selsema burung serta baru-baru ini, gempa bumi dan bencana Tsunami. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri dengan kerjasama dan sokongan Kementerian Pelancongan dan pihak swasta sedang dan akan terus mengambil langkah-langkah yang positif dan giat untuk memulihkan semula dan memajukan sektor ini. Selain daripada usaha promosi untuk memberi imej dan gambaran yang positif, usaha gigih sedang berlangsung untuk mewujudkan lebih banyak lagi penerbangan terus ke Pulau Pinang dari bandar-bandar utama di Asia.

Di samping itu, beberapa prasarana, produk dan pakej pelancongan yang penting dan baru berada di dalam beberapa tahap pembangunan. *Inner City Marina* di Pengkalan Lebuh Gereja yang dijangka siap pada penghujung tahun ini akan menarik banyak kapal layar dan *superyachts*. Pelan pembangunan pengkalan baru untuk *International Cruise Centre* di Pangkalan Swettenham telah siap dan akan dikemukakan untuk kelulusan pihak berkenaan. Selanjutnya, kerja pembinaan dijangka bermula sebelum penghujung tahun ini dan dijangka siap menjelang awal tahun 2008. Dua projek tersebut sudah pasti akan menjanakan pertumbuhan pelancongan dan perniagaan di kawasan bandaraya dalaman George Town, di mana kerja-kerja pemulihan bangunan warisan dan mempromosikan kebudayaan yang kaya, beraneka ragam dan menarik akan meningkatkan lagi potensi untuk perkembangan *cultural tourism* dan peluang kawasan ini disenaraikan sebagai *UNESCO World Heritage Site*.

Kerja membaik pulih dan memperbesarkan lima (5) buah banglo di Bukit Bendera untuk menjadi *boutique hotel* dijangka akan bermula tidak lama lagi selepas tertangguh kerana keadaan pasaran pelancongan yang tidak menentu. Penyediaan pelan untuk pembangunan Kereta Kabel Bukit Bendera dari puncak bukit ke Telok Bahang sedang berlangsung dan dijangka akan bermula pembinaannya menjelang penghujung tahun ini. Sememangnya, kawasan Telok Bahang-Batu Ferringhi akan terus dibangunkan sebagai tumpuan pelancongan dengan memperbesar dan meningkatkan lagi produk-produk yang sedia ada, seperti Taman Rama-rama, hutan lipur, Tropical Fruit Farm, Tropical Spice Garden dan kemudahan di sekeliling Empangan Telok Bahang.

Di samping itu, kemudahan-kemudahan asas bagi Taman Negara Pulau Pinang di Pantai Acheh, seperti jambatan, wakaf, pejalan kaki dan tandas awam juga telah dilaksanakan pada tahun 2004, manakala pejabat pentadbiran, pusat penerangan dan pintu masuk juga telah ditenderkan dan dijangka siap pada awal tahun 2006. Usaha juga sedang berlangsung untuk menerokai dan memajukan produk-produk pelancongan di kawasan Seberang Perai seperti pusat makanan laut di Bukit Tambun, Batu Kawan, Sungai Dua dan lain-lain tempat, program *homestay* di Juru, Mengkuang Titi dan Sungai Chenaam, pelancongan-eko di Kawasan Rekreasi Ayer Hitam Dalam, Sungai Dua, Seberang Perai Utara dan projek Pantai Kamloon, membangunkan Pulau Aman dan Pulau Gedong, meningkatkan dan mempromosikan Taman Burung dan Taman Jepun di Seberang Jaya, kelab-kelab Golf di Bertam, Kristal dan Jawi, serta *Auto City* di Juru.

Selaras dengan pembangunan sektor perindustrian yang pesat, sektor perdagangan negeri ini yang merangkumi aktiviti-aktiviti eksport dan import dalam pasaran dunia juga kian meningkat. Kini perkhidmatan logistik, khasnya pengangkutan kargo udara, telah menjadi satu bisnes yang semakin besar dan penting dan dijangka akan terus berkembang. Selain daripada perdagangan dunia, kerajaan negeri sedang giat mempromosikan perdagangan serantau. Walaupun Sumatera masih belum pulih dari bencana tsunami dan terus diancam oleh gempa bumi, dan keadaan keselamatan di Thailand Selatan masih kurang stabil dan tidak menentu, namun kerajaan negeri percaya konsep Segitiga Pertumbuhan IMT (MIT-GT) tetap mempunyai prospek dan potensi yang baik bagi jangkamasa panjang dan hendaklah terus diterokai dan dimajukan.

Selain daripada IMT-GT, kerajaan negeri juga akan terus membantu para pedagang negeri ini untuk menerokai peluang dengan Negara-negara ASEAN yang lain, terutamanya Myanmar dan Negara-negara Indo-China. Sektor perniagaan tempatan akan terus dimajukan. Mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan kerajaan tempatan tidak bercadang untuk meluluskan lagi *hypermarket* yang baru untuk mengelakkan persaingan yang terlalu sengit terhadap kedai-kedai runcit dan peniaga-peniaga kecil tempatan. Kerajaan tempatan akan terus merancang dan membina banyak lagi pusat penjaja untuk menempatkan semula para penjaja dan peniaga kecil secara lebih teratur dan dalam suasana yang lebih bersih dan selesa.

Walaupun sektor pertanian bukanlah penyumbang utama kepada keseluruhan KDNK Negeri Pulau Pinang, sektor ini tetap tidak dipinggirkan, bahkan terus diberi perhatian dan peruntukan. Masalah kekurangan tanah tidak menghalang usaha kerajaan negeri menyahut seruan YAB Perdana Menteri yang ingin memartabatkan kembali sektor pertanian dan industri asas tani. Oleh itu, usaha dalam sektor ini telah dan akan terus bertumpu kepada menggalakkan R&D dalam agro-biotek dan pengeluaran produk-produk yang berhasil tinggi dan bernilai tinggi atau *high-yield, high-value*. Jenis tanaman yang diusahakan secara saintifik ini termasuk buah-buahan, sayur-sayuran dan bunga-bunga.

Di samping itu, usaha akan tertumpu kepada sektor perikanan, di mana Kerajaan Negeri akan mewujudkan dan membangunkan Zon Industri Akuakultur atau ZIA, secara lestari di mana hutan paya laut akan tetap dipulihara. Industri memproses bahan-bahan makanan dan mengeluarkan produk-produk hiran dari kelapa sawit, getah akan terus dimajukan. Usaha juga sedang diteruskan untuk meningkatkan Program Mempelbagai dan Menambahkan Pendapatan Petani, Penternak dan Nelayan di mana bantuan seperti biji benih dan peralatan akan diberikan kepada mereka. Dengan langkah-langkah ini, kerajaan negeri memang berhasrat supaya sektor pertanian tidak selamanya dikaitkan dengan kemiskinan, tetapi sebaliknya menjadi punca kekayaan kepada golongan sasaran yang berkenaan.

Selaras dengan usaha memajukan sektor pertanian, pembangunan kawasan luar bandar dan pinggir bandar terus dijadikan agenda penting dalam memastikan pembangunan yang seimbang dalam negeri kita. Kemudahan dan infrastruktur terus disediakan untuk memastikan para penduduk kawasan luar bandar turut menikmati kemudahan di samping meningkatkan kualiti hidup mereka. Projek-projek pembangunan Desa Wawasan, pusat pertumbuhan desa, kampung tradisi, perumahan dan penempatan baru juga giat dijalankan untuk menyediakan perumahan dan kawasan persekitaran yang lebih baik dan kondusif untuk masyarakat desa. Di samping itu, pembangunan yang seimbang juga dapat mengurangkan kadar kemiskinan di negeri ini. Kerajaan negeri percaya kemiskinan mutlak di kawasan bandar dan luar bandar dapat dibasmi dengan memastikan penjana peluang pekerjaan yang berterusan kepada golongan sasaran di samping terus menyediakan kemudahan serta infrastruktur perumahan dan sosial yang mencukupi.



Adalah menjadi hasrat kerajaan negeri untuk terus menumpukan kepada usaha untuk mengubah kawasan luar bandar supaya menjadi lebih kondusif kepada pelaburan serta membina kehidupan desa yang lebih menarik di mana rakyat dapat menikmati pelbagai kemudahan asas, termasuk ICT.

Untuk memastikan bahawa ekonomi negeri kita akan terus berdaya saing, berdaya tahan dan berdaya maju, pembangunan keusahawanan adalah amat penting bagi semua sektor ekonomi. Penekanan akan terus diberi untuk menggalakkan penyertaan yang bermakna, berkesan dan berfaedah dari semua golongan sosial budaya dan lapisan masyarakat melalui berbagai-bagai program latihan yang dianjurkan oleh agensi-agensi seperti PERDA, MARA dan SMIDEC di bawah pengurusan Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang. Antara program yang terus dijalankan adalah Program Pembangunan Vendor, Program Pembangunan Francais, Program Usahawan Muda dan lain-lain lagi. Ramai usahawan Bumiputera telah dan akan terus diberi galakan, panduan dan bantuan untuk memperolehi kemahiran dan menerokai peluang perniagaan. Di samping itu, setakat ini, terdapat 262 buah koperasi berdaftar di negeri ini dengan jumlah aset hampir RM700.0 juta. Usaha akan diteruskan untuk mempergiatkan lagi pergerakan koperasi kerana ianya terbukti sebagai satu saluran yang berkesan untuk membangunkan keusahawanan secara kerjasama.

Prasarana yang mencukupi dan bermutu adalah asas penting bukan sahaja untuk menjana pembangunan semua sektor ekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat, tetapi juga untuk menjamin kualiti hidup yang tinggi dan selesa dalam zaman moden ini. Bagi pembangunan prasarana untuk tujuan tersebut, perhatian dan peruntukan akan terus diberi kepada tiga (3) bidang utama, iaitu:-

- (a) Pembangunan prasarana utiliti, komunikasi dan pengangkutan;
- (b) Pembangunan prasarana dan sistem pengurusan semua jenis sisa, tebatan banjir dan pemuliharaan alam sekitar dan
- (c) Perancangan fizikal dan guna tanah serta kawalan pembangunan yang sesuai.

Prasarana utiliti awam yang asas, seperti bekalan air, elektrik dan telekomunikasi akan terus diberi perhatian. Proses pengambilan tanah sedang dirancang untuk projek pembesaran Empangan Mengkuang supaya meningkatkan lagi kapasiti simpanan air di bawah RMKe-9. Projek-projek membina dan mempertingkatkan lagi loji rawatan air dan sistem agihan air, *water distribution system* akan terus dilaksanakan. Kerajaan negeri akan terus berunding dengan Kerajaan Persekutuan untuk memastikan bahawa sistem pengurusan dan penyelarasan bekalan air seluruh negara yang akan dilaksanakan dapat memanfaatkan semua pengguna air dan rakyat negeri ini. Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan terus digesa untuk mempertingkatkan lagi kapasiti dan bekalan elektrik untuk kegunaan industri, komersial dan domestik. Syarikat-syarikat telekomunikasi akan terus didesak untuk mempertingkatkan lagi kapasiti dan bekalan elektrik untuk kegunaan industri, komersial dan domestik. Syarikat-syarikat telekomunikasi akan terus didesak untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan jalurlebar *broadband* untuk meliputi semua kawasan kediaman dan luar bandar yang mungkin supaya dapat menampung keperluan e-ekonomi dan e-masyarakat pada masa hadapan. Perhatian akan diberi untuk mengurangkan jurang digital supaya tidak ada golongan yang tercicir.

Mengenai system pengangkutan, cadangan telah dikemukakan untuk memanjangkan landasan dan memperbesarkan kapasiti kargo udara di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas atau BLIA. Pelabuhan Pulau Pinang, khasnya bagi kargo kontena akan terus dipertingkatkan, manakala perkhidmatan feri juga akan ditambahbaik. Mengenai pengangkutan darat, projek Lingkaran Luar Butterworth (BORR) telah mencapai prestasi 86.0 peratus dan dijangka akan siap pada penghujung tahun ini. Fasa kedua Lebuhraya Jelutong telah juga mencatat prestasi 25 peratus dan dijangka siap pada penghujung tahun 2006. Manakala isirumah-isirumah setinggian yang terlibat sedang ditempatkan semula dalam rumah pangsa yang telah siap disediakan. Pembinaan projek Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) akan dimulakan tidak lama lagi, selepas kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar yang terperinci *Detailed EIA* dan persetujuan muktamad dengan pihak EPU di Jabatan Perdana Menteri ditandatangani. Beberapa projek untuk membina jalan baru dan menaik taraf jalan-jalan yang sedia ada telah dipohon di bawah RMK-9.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri penuh sedar bahawa usaha membina dan menaik taraf lebuhraya dan jalan dengan sendirinya sememangnya tidak mencukupi untuk terus menampung keperluan pengangkutan darat dan peningkatan bilangan kenderaan secara pesat yang menjadikan kesesakan lalulintas semakin serius. Oleh itu, penyelesaian masalah lalulintas pada jangka masa panjang ialah untuk merancang dan mewujudkan satu sistem pengangkutan awam yang bersepadu. Satu rancangan untuk menyusun semula laluan bas yang sedia ada supaya menjadi rangkaian perkhidmatan bas bersepadu yang juga merangkumi bas-bas mini kini berada di tahap yang terakhir dan akan dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan untuk mendapat kelulusan peruntukan. Di samping itu, cadangan *system Light Monorail Transit (LMT)* juga dimasukkan ke dalam RMKe-9.

Perumahan yang selesa adalah asas untuk menjamin kualiti hidup. Kerajaan negeri adalah amat komited untuk memperbanyakkan lagi bilangan rumah mampu beli untuk rakyat di semua daerah. Oleh itu, permohonan telah dikemukakan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB) untuk mendapatkan peruntukan di bawah RMKe-9 supaya membina lebih banyak untuk rumah kos rendah dan rumah sewa di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR). Di samping itu, melalui bantuan dari kerajaan negeri, Kerajaan Pesekutuan dan institusi kewangan, sebanyak tujuh projek perumahan swasta yang terbenkakai telah dapat dipulihkan dan mendapat Sijil Penghunian, manakala dua projek lagi telahpun mendapat Sijil Penghunian bagi Fasa 1 projek berkenaan. Seperti yang kita sedia maklum, kediaman dalam rumah pangsa dan kondominium yang dikenali sebagai *high-rise living* telah menjadi satu corak hidup biasa untuk kebanyakan penduduk negeri ini di mana terdapat lebih daripada 1,200 bangunan kediaman yang bertingkat. Hasil daripada usaha gigih pihak pentadbir tanah, hakmilik strata bagi kebanyakan bangunan ini telah siap dikeluarkan. Yang menjadi cabaran utama sekarang adalah bagaimana para penghuni bersama-sama menangani masalah-masalah yang mungkin timbul mengenai pengurusan kemudahan awam dalam setiap blok kondominium. Untuk membantu menyelesaikan masalah-masalah ini, kerajaan negeri sedang dalam proses melantik mereka yang layak dan berpengalaman untuk menganggotai Lembaga Hakmilik Strata Negeri.

Satu aspek kualiti hidup yang penting ialah penyediaan kemudahan rekreasi, riadah dan sukan bagi rakyat jelata supaya mereka dapat melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kesukanan dan senaman untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat dan segar, di samping bergaul di antara satu sama lain. Usaha kerajaan tempatan telah mendatangkan hasil yang amat menggalakkan. Taman Metropolitan di Relau sekarang telah menjadi tumpuan orang ramai dan akan terus diperkembangkan. Taman Perbandaran MPPP yang juga dikenali sebagai Taman Belia baru-baru ini telah memenangi hadiah pertama dalam pertandingan seluruh negara dan akan diperbesarkan dua kali ganda serta disambung ke kebun bunga yang juga akan diperbesarkan. Di samping itu, Jabatan Perhutanan Negeri telah menambah kemudahan dalam hutan lipurnya, manakala Perbadanan Bekalan Air (PBA) akan terus berusaha untuk meningkatkan kemudahan di kawasan Empangan Mengkuang, Empangan Telok Bahang dan Empangan Air Itam sebagai kawasan riadah untuk rakyat kita dan para pelancong.

Di samping itu, usaha akan diteruskan untuk menambahkan dan menambahbaik kemudahan-kemudahan sukan. Sukan Negeri Pulau Pinang atau SUKPEN yang kedua akan berlangsung pada hari Jumaat minggu hadapan dan akan terus menjadi gelanggang utama dwi-tahunan untuk persiapan para atlit kita mengejar kecemerlangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kerajaan memang amat komited untuk menjamin alam sekitar yang bersih dan indah bagi rakyat kita. Oleh itu, projek-projek pembersihan sungai dan tebatan banjir akan terus dilaksanakan dengan permohonan peruntukan yang lebih banyak di bawah RMKe-9. Kerja-kerja pengutipan dan pelupusan sisa-sisa pepejal akan terus dipertingkatkan oleh kerajaan tempatan. Walau bagaimanapun, dalam menjaga kebersihan alam sekitar, semua rakyat hendaklah terus memainkan peranan yang positif dan efektif. Saya berasa berbesar hati dimaklumkan bahawa kempen kitar semula yang dilancarkan oleh kerajaan negeri dan kerajaan tempatan dengan bantuan SERI Penang telah menerima sambutan dan mencapai prestasi yang sangat menggalakkan kerana mendapat penyertaan yang aktif dari agak banyak pertubuhan bukan kerajaan. Peratusan sisa pepejal yang dapat dikitar semula telah mencapai tahap hampir 15.0 peratus peratus pada tahun lepas berbanding dengan hanya 3.0 peratus pada tiga tahun sebelumnya.

Pada masa yang sama, kerajaan negeri bersama-sama dengan Kerajaan Tempatan sedang berunding dengan Kerajaan Persekutuan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan untuk merancang dan mewujudkan satu sistem pengurusan sisa pepejal yang lebih bersepadu dan "cost-effective". Untuk mengurangkan dan mencegah satu punca pencemaran yang utama, pembinaan dan penaiktarafan loji rawatan dan rangkaian paip pembentungan di seluruh negeri ini adalah sangat mendesak. Oleh itu, kita memang bersyukur bahawa selepas penangguhan sekian lama, loji rawatan pembentungan di Bayan Baru dengan kos RM85.0 juta telah siap dibina pada bulan Disember 2004 dan projek loji rawatan pembentungan di Jelutong dengan kos sebanyak RM500 juta telah dimulakan pembinaannya dan dijangka siap pada penghujung tahun 2007. Sebagai loji rawatan kumbahan yang terbesar di negara ini dengan kapasiti maksimum untuk 1.2 juta orang penduduk, sistem di Jelutong dijangka akan membantu membersihkan dan memulihkan air laut dan sungai yang begitu kotor di sekitar George Town. Beberapa projek loji pembentungan di Sungai Nyior dan Juru di Seberang Perai serta Telok Bahang, Batu Ferringhi dan Tanjung Bunga telah dikemukakan untuk perlaksanaan dalam tempoh RMKe-9, manakala kerja menaiktaraf loji sedia ada yang lain akan juga dilaksanakan secara berperingkat.

Kesihatan tubuh badan memang menjadi satu aspek yang amat penting sekali dalam kehidupan dan kualiti hidup bagi seseorang dan keluarganya. Tempoh 10 tahun kebelakangan ini memperlihatkan peningkatan kemudahan dan perkhidmatan perubatan di negeri ini yang disediakan dan dibekalkan oleh sektor awam dan sektor swasta. Banyak perkhidmatan pengkhususan yang canggih sekarang dapat dinikmati oleh rakyat kita dan para pelancong. Baru-baru ini, Hospital Pulau Pinang telah berjaya menyediakan kemudahan PET-CT Scan yang pertama di Malaysia yang tercanggih sekali untuk pengesanan awal kejadian kanser secara tepat supaya rawatan yang sesuai dapat dilaksanakan. Kemudahan di hospital-hospital awam dan swasta yang lain pun sentiasa dipertingkatkan. Di Negeri Pulau Pinang, peranan hospital dan klinik dalam perkhidmatan kesihatan disokong dan ditampung oleh kegiatan-kegiatan beberapa pertubuhan sukarela yang memberi perhatian khusus dalam membimbing dan membantu pesakit dan keluarga mereka, khasnya bagi berbagai-bagai jenis penyakit yang rumit.

Untuk menangani keperluan wargatua dan orang kurang upaya, Jabatan Kebajikan Masyarakat akan mempertingkatkan perkhidmatannya dan memperkukuhkan lagi jalinan kerjasama dengan badan-badan kebajikan sukarela.

Akhirnya, untuk menjamin kualiti hidup di peringkat negeri pada keseluruhannya dan di setiap kawasan tempatan, segala alam bina hendaklah dirancang dengan secara baik dan seimbang, termasuk semua bentuk pembangunan perumahan, perniagaan dan perindustrian. Oleh itu, mengikut peruntukan-peruntukan baru dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, kerajaan negeri sedang dalam proses menyediakan satu Rancangan Struktur Negeri (RSN) yang menggantikan rancangan struktur mengikut kawasan MPPP dan MPSP. Laporan pemeriksaan yang mengandungi analisis keadaan dan data-data yang sedia ada serta unjuran bagi masa hadapan telah disediakan. Seranta Laporan Pemeriksaan akan diadakan pada 23 April hingga 24 Mei, 2005 dan pendengaran pada 6 Jun hingga 11 Jun, 2005. Selanjutnya, deraf RSN akan disediakan dan akan juga diadakan Seranta Pameran dan Pendengaran Awam sekali lagi untuk mendapatkan maklumbalas sebelum ianya diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Berdasarkan kepada RSN, Rancangan Tempatan Daerah (RTD) mengikut kawasan pihak berkuasa tempatan akan disediakan oleh MPPP dan MPSP masing-masing. RSN dan RTD ini akan menjadi garispanduan kepada perancangan pembangunan fizikal bagi kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan pada masa hadapan mengikut konsep lestari atau "*sustainability*".

Walaupun pembangunan ekonomi dan kualiti hidup sentiasa merupakan tumpuan kerajaan dan rakyat, pembangunan insan dan pengwujudan sebuah masyarakat yang berbudaya dan bermoral adalah asas teras untuk pembangunan yang menyeluruh dan lestari (*holistic and sustainable development*) supaya dapat memartabatkan kita sebagai rakyat yang bertamadun dan mencapai status Negara Maju dalam semua aspek. Oleh itu kerajaan negeri mengalu-alukan dan menyokong penuh Kempen Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni yang dilancarkan pada awal tahun ini oleh Y.A.B Perdana Menteri. Kempen tersebut yang juga dilancarkan di peringkat negeri pada minggu lepas oleh Y.A.B. Ketua Menteri merupakan sebahagian daripada Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dilancar dan dimajukan hampir-hampir setahun dahulu. Tujuannya adalah

untuk melibatkan semua golongan etnik dan semua lapisan masyarakat supaya memupuk dan mengamalkan budi bahasa dan nilai-nilai murni. Proses ini melibatkan institusi agama, institusi kekeluargaan, sistem pendidikan formal dan bukan formal, pertubuhan sosial, komuniti dan kebudayaan.

Dalam konteks negara dan negeri kita di mana hampir kesemua penduduknya menganuti salah satu dari agama-agama utama di dunia ini, agama terus menjadi asas kepada usaha memupuk budi bahasa dan nilai-nilai murni. Dalam konteks Islam sebagai agama negeri beserta dengan jaminan hak kebebasan beragama bagi rakyat yang lain, kerajaan negeri sentiasa menggalakkan pengajaran dan pengamalan semua agama secara tepat. Usaha untuk mempromosikan Islam Hadhari yang progresif dan moden akan terus dipertingkatkan melalui proses pembaharuan seperti menambahbaik pendidikan Islam dan melaksanakan undang-undang Syariah secara tepat. Untuk tujuan ini, pengurusan dan pengajaran di semua Sekolah Agama Rakyat (SAR) akan terus dipertingkatkan, begitu juga bagi kelas-kelas agama KAFA di masjid, surau dan balai rakyat yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP). Di samping itu, Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) akan terus menganjurkan program dakwah, bimbingan keluarga Islam, dan kaunseling kepada mereka yang bermasalah. Dari segi perundangan, beberapa akta mengenai keluarga, hal ehwal pentadbiran Islam dan undang-undang Syariah telah digubal dan dipinda, selaras dengan keperluan pembangunan Syiar Islam dan usaha memajukan Islam Hadhari.

Selain daripada agama, institusi keluarga merupakan institusi yang paling penting dalam memupuk budi bahasa dan nilai-nilai murni. Oleh itu, program-program di bawah Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pulau Pinang (MPWKNPP) dan KEMAS akan terus ditambah dan dipertingkatkan supaya menggalakkan penyertaan yang lebih meluas dan berkesan dari kaum wanita. Program-program yang dilaksanakan adalah berkaitan dengan isu-isu kesihatan, perhubungan suami-isteri, keibubapaan, keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak dan sebagainya. Sememangnya, sejak penubuhannya dua (2) tahun dahulu, Rumah Nur di peringkat daerah dan kawasan parlimen telah giat menjalankan berbagai-bagai aktiviti seperti kursus, pameran, bengkel dan sebagainya untuk pembangunan wanita dan keluarga.

Satu lagi golongan sasaran utama ialah kaum belia yang merupakan bekai pemimpin masyarakat. Melalui Majlis Belia Negeri, usaha akan diteruskan untuk menerokai dan mencari langkah-langkah yang lebih berkesan untuk menarik dan melibatkan lebih ramai belia dalam pertubuhan dan kegiatan yang sihat supaya dapat membangunkan perwatakan mereka secara sihat serta menjauhkan diri daripada segala gejala sosial dan jenayah. Budi bahasa, nilai-nilai murni dan semangat perpaduan mestilah terus dipupuk di kalangan rakyat kita yang berbilang kaum melalui usaha memupuk semangat dan perhubungan kejiwaan serta menggalakkan penyertaan secara aktif dalam proses menyumbang kepada kemajuan, kebersihan dan keselamatan setempat. Kerajaan negeri akan terus menyokong, menggalak dan membantu tiga jenis pertubuhan sosio-sivik yang sedia wujud dan sedang berfungsi di peringkat akar umbi, iaitu, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Rukun Tetanga (RT) dan Persatuan Penduduk atau *Residents Association (RA)*. Bilangan JKKK telah ditambah dari 144 ke 148 baru-baru ini. Bilangan kawasan RT juga akan ditambah dari 218 ke 238 menjelang penghujung tahun ini. Untuk membantu pihak kerajaan dan Polis DiRaja Malaysia menangani gejala sosial, jenayah dan isu-isu keselamatan, skim rondaan sukarela telah dilaksanakan di 31 kawasan RT, manakala 35 kawasan RT sedang merancang untuk memperkenalkannya. Kerajaan negeri menyeru dan menggalakkan semua kawasan RT untuk memulakan skim rondaan ini yang telah terbukti banyak membantu mengurangkan kes-kes jenayah di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Kerajaan negeri amat kagum dengan inisiatif yang diambil oleh para pemimpin pertubuhan-pertubuhan yang mewakili semua kaum dan suku kaum yang berada di negeri ini untuk berganding bahu menubuhkan Jawatankuasa Perundingan Muhibbag (JKPM) Negeri Pulau Pinang supaya membantu kerajaan mencegah konflik dan menyelesaikan isu-isu antara kaum yang mungkin timbul di samping memupuk dan memperkasakan perpaduan antara kaum. Sejak ianya dilancarkan pada September 2003 oleh Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi selaku Timbalan Perdana Menteri pada waktu itu, JKPM telah menganjurkan beberapa aktiviti sosial dan kesukanan yang berjaya melibatkan penyertaan semua kaum. Selanjutnya, selaras dengan keputusan dan arahan Kerajaan Persekutuan kepada semua negeri,



kerajaan negeri telah baru-baru ini menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Negara di peringkat negeri yang akan dianggotai oleh wakil-wakil dari JKPM sendiri, semua dewan perniagaan, pemimpin-pemimpin masyarakat yang terpilih, semua Pengerusi Jawatankuasa Penyelarasan RT peringkat daerah dan beberapa orang pegawai tinggi kerajaan negeri.

Dalam zaman k-masyarakat ini, masyarakat yang berbudi bahasa mestilah juga berilmu. Oleh itu, walaupun pendidikan formal merupakan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri sentiasa memberi sokongan terhadap pembangunan pendidikan dan memainkan peranan secara langsung dalam mempromosikan pendidikan bukan formal dan berbagai-bagai jenis latihan. Dua (2) contoh cemerlang di Pulau Pinang yang mencerminkan inisiatif dan usahasama antara sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan dengan sokongan dan bantuan kerajaan negeri ialah Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) dan Majlis Perundingan Pendidikan Negeri atau *Penang Education Consultative Council (PECC)*. PSDC akan terus memberi dan mempertingkatkan lagi berbagai-bagai jenis latihan kemahiran untuk sumber manusia supaya menampung keperluan pembangunan ekonomi. PECC pula berjaya mewujudkan beberapa program untuk memanfaatkan orang awam dan kanak-kanak. Program "*Promoting Activities in Continuing Education*" (PACE) di bawah PECC yang telah berlangsung lebih daripada lima (5) tahun berjaya menganjurkan banyak kursus pendek untuk memenuhi minat dan meningkatkan pengetahuan umum dalam berbagai-bagai jenis bidang.

Program BOLD (*Bureau On Learning Difficulty*) di bawah PECC telah berjaya menganjurkan kursus-kursus untuk membantu ibu bapa dan guru menangani masalah-masalah pembelajaran di kalangan kanak-kanak. Baru-baru ini, BOLD telah berjaya menubuhkan satu pusat panggilan telefon untuk memberi bimbingan kepada ibu bapa untuk mendapat nasihat, bantuan atau rujukan kepada pakar-pakar untuk mengendalikan masalah yang dihadapi oleh anak-anak mereka. Selaras dengan sasaran membangunkan sebuah "*Learning Society*", budaya membaca, khasnya di kalangan generasi muda akan terus digalakkan dan dipupuk bukan sahaja melalui sistem persekolahan formal, tetapi juga melalui perkhidmatan perpustakaan.

Sejak tahun 1999, sistem perpustakaan di bawah Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang telah dipertingkatkan melalui program *Penang Libraries Network (PLN)* dengan memperkenalkan sistem katalog dan pangkalan data secara elektronik supaya dapat menggalakkan kerjasama di antara semua perpustakaan dalam institusi-institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Selain daripada Perpustakaan Negeri yang bertapak di Seberang Jaya dan empat (4) buah perpustakaan cawangan di peringkat daerah, 54 buah perpustakaan desa dan 10 unit perpustakaan bergerak sedang memberi perkhidmatan di kawasan luar bandar. Kemudahan dan kualiti perkhidmatan perpustakaan akan terus dipertingkatkan.

Penubuhan sebuah kementerian yang ditugaskan khas untuk kebudayaan, kesenian dan warisan di peringkat persekutuan setahun dahulu telah mulai mengemblengkan sumber dan tenaga dalam bidang ini serta menjana banyak program yang berkesan dan berfaedah di peringkat pusat dan negeri, mahupun di peringkat daerah. Dengan demikian, rakyat kita akan dapat memulihara dan membangunkan seni dan budaya bangsa serta mengembalikan kegemilangan warisan bangsa di samping memperolehi pengetahuan dan menikmati hiburan. Usaha ini juga melibatkan golongan muda dalam kegiatan-kegiatan yang berfaedah, di samping mempelajari dan menghargai warisan budaya bangsa. Kesenian tempatan seperti Boria dan Chingay akan diberikan lebih tumpuan untuk menggalakkan masyarakat kita menghidupkan semula budaya pusaka bangsa ini. Selaras dengan inisiatif ini, PECC telah melancarkan satu program yang baru, iaitu "Kesenian Dalam Pendidikan" (*Arts in Education*) untuk menggalakkan minat dan penglibatan guru dan murid-murid sekolah dalam mempelajari dan menikmati berbagai-bagai jenis kesenian.

Budi bahasa dan nilai-nilai murni harus juga menjadi asas panduan bagi perhubungan dan interaksi di antara para peniaga dan pelanggan mereka dalam sektor ekonomi, supaya mencegah segala penipuan dan amalan yang tidak beretika yang akan menjejaskan dan menjahanamkan masyarakat pada akhirnya. Dalam konteks ini, hak dan kepentingan para pengguna hendaklah diberi perhatian dan perlindungan secukupnya. Oleh itu, kerajaan negeri sentiasa menggalakkan dan menyokong segala aktiviti kepenggunaan yang dianjurkan oleh kementerian yang berkenaan

dan pertumbuhan-pertumbuhan bukan kerajaan supaya para pengguna menjadi lebih sedar dan dapat bertindak untuk mempertahankan hak mereka, manakala para peniaga pula menjadi lebih bertanggungjawab dalam menjamin produk dan perkhidmatan yang bermutu dan berharga berpatutan. Pada masa yang sama, kerajaan negeri juga menyokong Kementerian yang berkenaan terus mengambil tindakan untuk membanteras cetak rompak semua jenis cakera supaya hakcipta dapat dilindungi. Sememangnya, konsep urus tadbir yang baik (*good governance*) hendaklah sentiasa dipromosi dan diamalkan di kalangan peniaga untuk menjamin segala amalan perniagaan adalah beretika, selaras dengan pengajaran agama dan nilai-nilai murni.

Sebenarnya, amalan urus tadbir yang baik amatlah penting sekali, khasnya bagi para pemimpin dan pentadbir kerajaan kerana merekalah yang menerajui jentera pentadbiran utama yang memandu sesebuah negara atau negeri untuk mara dan maju ke hadapan. Oleh itu, kerajaan hendaklah memimpin melalui teladan supaya memastikan bahawa sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dapat berfungsi secara cekap, berkesan dan amanah. Justeru itu, penggunaan ICT telah menjadi kaedah utama kerajaan negeri dalam memperkasakan proses kerja dan sistem penyampaian kerajaan supaya menjadi lebih berkesan dan cekap dengan membangunkan dan menggunakan beberapa sistem aplikasi ICT seperti Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS), Sistem Pendaftaran (Perumahan) Terbuka, Sistem Pinjaman Penuntut, ADUNet dan *Penang Information And Complaint System (PINTAS)*. Sebagai usaha untuk memudahkan interaksi antara rakyat dengan kerajaan, kerajaan negeri telah mempelbagaikan saluran perkhidmatannya melalui laman web interaktif kerajaan negeri selain dari perkhidmatan kaunter. Peningkatan laman web yang sedia ada kepada portal kini dalam peringkat penilaian dan pengujian supaya akan dapat berfungsi sebagai rujukan tunggal orang ramai dalam menyemak pelbagai perkhidmatan kerajaan negeri. Menerusi portal ini, *e-payment* melalui internet akan diperkenalkan mulai suku ketiga tahun ini yang akan membolehkan orang ramai menyemak dan menjelaskan pelbagai bil-bil kerajaan negeri yang utama secara bersepadu. Sebagai projek perintis, *e-payment* ini akan menyediakan kemudahan untuk pembayaran bil-bil cukai taksiran MPSP dan MPPP serta cukai tanah. Pulau Pinang juga telah terpilih sebagai negeri perintis dalam pelaksanaan e-Tanah yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2007, yang akan menjadikan pelbagai urusan berkaitan dengan pejabat tanah lebih mudah dan pantas.

Kerajaan menyedari bahawa walau betapa canggih pun, teknologi sahaja tidak mencukupi dalam usaha meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan. Oleh itu, pembangunan insan dalam perkhidmatan awam turut diberikan keutamaan. Penerapan dan pengamalan nilai-nilai murni supaya bersih daripada gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa akan terus diberikan perhatian

khusus. Untuk tujuan ini, Pelan Tindakan Integriti Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah dilaksanakan pada bulan Ogos 2003 digubal berasaskan kepada kesedaran bahawa usaha-usaha ke araha urus tadbir yang baik dan bermoral perlu dilaksanakan secara menyeluruh, sistematik, bersepadu dan berterusan. Pelan Tindakan Integriti di peringkat negeri ini sedang dikaji semula supaya selaras dengan Pelan Integriti Nasional. Sebagai langkah tambahan, Kempen Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni yang dilancarkan baru-baru ini juga ditujukan kepada semua pegawai dan kakitangan kerajaan supaya perkhidmatan bukan sahaja diberikan dengan cekap dan pantas, tetapi juga diberikan dengan penuh mesra dan beretika. Dalam konteks ini, kerajaan negeri mengalu-alukan segala maklumbalas yang objektif dan kritikan yang membina supaya dapat menambahbaik dan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan awam.

Justeru, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua kakitangan kerajaan negeri dan Persekutuan, Badan Berkanun dan Majlis Perbandaran di negeri ini serta semua pegawai dan semua anggota dalam perkhidmatan Polis, Tentera, Bomba dan Hospital atas dedikasi, ketekunan dan sumbangan mereka sepanjang tempoh satu tahun yang lalu. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pemimpin masyarakat, pekerja sosial dan pertubuhan sosial-sivik atas usaha mereka membantu kerajaan dalam zaman penuh dengan cabaran ini. Saya berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala semoga memberi limpah kurnia dan petunjuk kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan penuh amanah dan dedikasi kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Semoga kita semua bersama rakyat jelata bersatu hati dan berganding bahu supaya dapat terus berkhidmat, berjasa dan berjuang untuk Agama, Nusa dan Bangsa serta mencapai matlamat menjadikan negeri kita mencapai tahap cemerlang, gemilang dan terbilang, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, para hadirin sekalian, Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan akan meninggalkan Dewan ini sebentar lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput untuk bergambar bersama-sama Tuan Yang Terutama Tun. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 9.30 pagi, 12 April 2005.

**Setiausaha:**

Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan meninggalkan Dewan Persidangan.

*Dewan ditangguhkan pada jam 11.20 pagi.*